

Newtbec

NEW WAY OF BEING CHURCH

Hari Minggu Biasa ke-18



DIUTUS DENGAN KEGEMBIRAAN UNTUK MENYEMBUH

TEMA BULANAN:
PENYEMBUHAN KE ARAH
INTEGRASI

Bagaimanakah Anda Menggunakan Lima Roti dan Dua Ikan?

Apabila mendengar kematian Yohanes Pembaptis, Yesus berasa sangat amat pilu dan tercari-cari tempat yang sunyi supaya Dia boleh berkongsi kepiluan-Nya dengan murid-murid. Sejerus Dia bersinggah di tebing, Dia didatangi ribuan orang yang menunggu untuk mendekati dan mendengari Dia dengan harapan mereka dapat disembuhkan.

"...dengarkanlah Aku maka kamu akan memakan yang baik dan kamu akan menikmati sajian yang paling lazat"

– Yesaya 55: 1, 2

Maka Dia mula mengajar dan menaburkan kesuburan di pemikiran, hati, roh dan jiwa mereka. Apabila menjelang malam, Dia menyuapkan kelaparan mereka dengan keajaiban roti dan ikan. Tanpa keraguan, ini merupakan satu keajaiban dan petunjuk kepada fakta bahawa Tuhan, yang mencipta dunia, memberi makanan dan menjaga setiap keperluan kita; makanan yang memenuhi keperluan fizikal kita malah lebih penting, makanan untuk jiwa kita sebagaimana terserlah dalam Firman Tuhan pada hari ini.

Di sini kita boleh menggambarkan Gereja yang memainkan peranannya merentasi pelbagai zaman. Yesus tidak memberi makan kepada semua ramai di tebing Laut Galilea hanya dengan usaha sendiri. Dia melakukannya dengan bantuan murid-murid-Nya yang masih enggan menerima tanggungjawab mereka terhadap yang lapar; reaksi pertama mereka ialah menghalau orang-orang ramai dan biarkan mereka membiayai diri sendiri, dengan anggapan orang lain akan mengendalikan masalah itu. Apabila mereka dicabar oleh Yesus untuk menyumbangkan apa yang dimiliki, mereka teringat seorang budak lelaki dengan lima roti dan dua ikan yang dibawa oleh mereka kepada-Nya. Dan makanan yang sedikit itu apabila diletakkan di tangan Yesus akhirnya mencukupi untuk semua.

Yesus mengarahkan setiap orang akan tugas menyampaikan kasih-sayang-Nya melalui pemberian dan bakat-bakat yang dimiliki oleh semua. Dan lima roti dan dua ikan adalah simbol kekuatan untuk melakukan kebaikan yang dimiliki kita semua. Adakah kita bersedia untuk menggunakan kekuatan itu? Adakah ia sesuatu yang perlu kita fikirkan lagi? Tuhan telah mengaruniakan kita keupayaan-keupayaan teristimewa yang Dia harapkan supaya digunakan untuk memuliakan kerajaan-Nya... di manakah keupayaan yang tersembunyi di dalam anda!

Jadi tak kira bagaimana kita membuka tangan kepada yang memerlukan, yang dihulurkan itu adalah belas kasihan dan persahabatan Kristus. **Marilah kita menyahut cabaran Yesus** untuk melakukan segala yang mampu untuk orang lain. Dan Yesus menerima cenderamata kita sebagaimana Dia menerima lima roti dan dua ikan daripada murid-murid-Nya, yang disampaikan-Nya kepada Bapa. Walaupun usaha kita kelihatan remeh dan tidak sebagaimana, bila dilakukan dalam tangan Tuhan dan bersesuaian dengan rancangan-Nya, ia menjadi sebahagian daripada misi penyelamatan agung Gereja dan membawa pengertian yang besar dalam kehidupan kita.

Maka tiba masanya kita bertanya diri sendiri ... Sudahkah kita bersedia untuk Yesus melakukan keajaiban roti dan ikan di dalam kehidupan kita? †



Bacaan Injil Harian:

Yesaya 55: 1-3;
Mazmur 144: 8-9,
15-16, 17-18;
Roma 8:35, 37-39;
Matius 14: 13-21.

Perkataan
mingguan

Marilah kita
menyahut
cabaran Yesus

**GEREJA VISITATION**

85-A, Jalan Yam Tuan, 70000 Seremban
 Tel : 06-7624468 / 7634934 / 7677542
 Fax : 06-7677544
 Email : serembanvisitation@gmail.com
 Website : www.visitationseremban.org
 Parish Pastor : Rev. Fr Xavier Andrew
 Associate Pastor : Fr. Kenneth Gopal

TEMA TAHUN 2020
PEMURIDAN: DIUTUS DENGAN
SUKACITA UNTUK MENYEMBUH
Tema bulan Ogos 2020
Penyembuhan Ke Arah Integrasi

PEJABAT PAROKI:
Isnin – Jumaat :
9.00 am - 5.30 pm
Sabtu : Hingga 1.30 pm
semasa PKPB – Covid - 19
sehingga makluman lanjut

**01 & 02 Ogos 2020 :**

HARI MINGGU BIASA KE-18 : *Is 55, 1-3, Ps 144, 8-9, 15-16, 17-18 Rom 9, 35, 37-39, Mt. 14, 13-21*
"Engkau membuka tanganMu, ya Tuhan, dan memuaskan kami!" (Mzm : 144)

Warga asing dan penduduk tetap yang terhormat, kerana perintah pembatasan pemulihan Kerajaan, kami dengan tulus berasa kesal untuk memberitahu bahawa pada masa ini anda diminta untuk tidak mengambil bahagian dalam Misa sehingga diberitahu lebih lanjut. Permintaan Maaf Yang Ikhlas!

Bermula minggu depan (Ogos 2020), Misa akan dibuka kepada semua umat. Setiap bahasa hanya terhad kepada 380 orang sahaja. Mereka yang ingin menghadiri Misa, sila daftarkan nama anda melalui penyelarasan BEC/Zon masing - masing. Semua nama dari BEC/Zon perlu diserahkan kepada Paroki sebelum atau pada hari khamis untuk pengiraan umat keseluruhan.

2 OGOS (AHAD) : 8.00 am (Tamil) 11.00 am (English)

Masa dan bahasa Misa akan berubah pada setiap minggu

Anda boleh menonton siaran langsung perayaan Misa Visitation di <http://live.visitationseremban.org>

NOTA

- WAJIB UNTUK SEMUA MEREKA YANG MENGHADIRI MISA UNTUK MENGGUNAKAN PENUTUP MULUT DAN HIDUNG, SILA DATANG DENGAN PENUTUP MULUT DAN HIDUNG SENDIRI.**
- SILA BERADA DI DALAM GEREJA SATU JAM SETENGAH (1 ½ jam) LEBIH AWAL, UNTUK MEMALUI SEMUA SOP SEBELUM MISA BERMULA.**

Pematuhan SOP (Standard Operation Procedure)

- Mereka yang menghadiri Misa harus mematuhi arahan / SOP yang diberikan dan bekerjasama dengan penyelarasan perkhidmatan.
- Mereka yang menghadiri Misa hendaklah membawa Kad Pengenalan mereka (I.C.)
- Mereka yang tidak merasa sihat, selesema, sakit tekak, batuk, sukar bernafas jangan menghadiri Misa walaupun anda berada dalam senarai.
- Pakai penutup mulut dan hidung / pendaftaran / pengambilan suhu / membersihkan tangan sebelum masuk untuk Misa dan keluar dari Gereja selepas Misa.
- Kad dengan nombor diberikan kepada setiap umat untuk menghadiri Misa, sila pastikannya selamat dan kembalikan semula di pintu keluar selepas Misa.
- Tidak akan ada Pengakuan buat masa ini, harap maklum.
- Sila duduk di bangku mengikut arahan yang diberikan.
- Tidak menyentuh / memeluk / berjabat tangan. Komuni akan diterima dengan tangan sahaja.
- Penggunaan tandas haruslah berdisiplin, bukan untuk dikerumuni. Jarak sosial harus dijaga
- Anda diminta untuk pergi sejeurus selepas Misa tamat...

Doa kepada Jiwa yang telah pergi

- PA Somarathy a/p Babanhamy (d.o.d : 26/07/20)
- Augustine William De Souza (d.o.d : 26/07/2020)

Saudara saudari, terima kasih diatas sokongan anda terhadap Bank Makanan PIHDM. Kami ingin memohon agar makanan yang didermakan berada dalam bungkusan asal. Mohon jangan bungkusan semula. Teruskan sokongan anda. Terima Kasih.

Derma yang diterima sejak dari 18 Mac hingga 26 Julai 2020 (semasa PKP)

Jumlah Kumulatif	Derma Paroki	Ruang Adorasi	Bank Makanan PIHDM
	RM45,616.00	RM21,888.00	RM10,005.00

DERMA / PEMBERIAN :

Bagi mereka yang ingin menyumbang kepada salah satu perkara berikut:

- | | |
|--------------------------------------|----------------------|
| (1) Sumbangan kewangan kepada Paroki | (2) Persembahan Misa |
| (3) Pengubahsuaian bilik Adorasi | (4) PIDM Food Bank |

Kami menggalakkan anda untuk menggunakan kemudahan dalam talian perbankan anda. Butiran Akaun Bank Paroki adalah seperti berikut:

- | | |
|--------------------|------------------------|
| a. Bank | : Public Bank Berhad |
| b. Nama Akaun Bank | : Church of Visitation |
| c. No Akaun | : 3121194612 |

Sila nyatakan dalam pemindahan dalam talian butiran berikut agar Pejabat Paroki dapat menjelaskannya dengan tepat:- (i) Jumlah (ii) Tujuan – mana yang berikut :

- Sumbangan Kewangan ke Paroki
- Intensi Misa untuk (nama) - (RIP, atau Kesyukuruan atau intensi Khas)
- Pengubahsuaian Bilik Adorasi
- PIHDM Food Bank (Untuk maklumat lanjut hubungi : John Davidson (017 6158961) atau Bernadette (012 2715840)

Sila hantarkan slip transaksi ke e-mel Paroki: serembanvisitation@gmail.com untuk tujuan rekod pejabat Paroki.

Misa Sakramen Penguatan : 30 Ogos 2020 @ 2.00 pm

Semua pelajar Penguatan akan memulakan kelas Minggu pada 26 Julai 2020

English : 8.00 am – 9.30 am **Tamil :** 9.45am – 11.15 am **Mandarin :** 11.30 am – 1.00 pm .

Tempat : Dewan Visitation (tingkat atas). SOP perlu dipatuhi.

Pengesahan Penguatan : 21 Ogos / Temu ramah - 22 Ogos / Raptai - 26 Ogos 2020

- Pengubahsuaian Bilik Adorasi** - lihat juga video di facebook dan laman Web Visitation.
- Paroki** juga dalam proses merombak kepimpinan di semua Ministri.

PEMBAPTISAN BAYI : Arahan Pra Pembaptisan untuk semua bahasa : 01 Ogos 2020 (Sabtu) (semua bahasa)

Pembaptisan : Tamil - 8 Ogos 2020 @ 7.00 pm English - 15 Ogos 2020 @ 7.00 pm
BM dan Mandarin - 22 Ogos 2020 @ 7.00 pm

Mereka yang belum mendaftar untuk Pembaptisan Bayi, sila melakukannya di pejabat paroki.

Perhatian:
 Upacara Pengkebumian ditiadakan di rumah si mati. Pengkebumian akan diadakan di Parlor Visitation